

Manfaatkan Kelebihan Dua Dunia untuk Pelaburan Anda



Dana Maybank Asia Mixed Assets-I

Humanising Financial Services.

 **Maybank**
Asset Management

Manfaatkan Kelebihan Dua Dunia untuk Pelaburan Anda

Dana Maybank Asia Mixed Assets-I

Dana aset campuran Patuh Syariah Maybank Asia Mixed Assets-I (“Dana”) ini menggabungkan kepakaran Pengurus Dana berpengalaman dengan teknologi pelaburan Quant terkini.

Ia merupakan dana feeder yang bermatlamat menyediakan pertumbuhan modal dan pendapatan dengan melabur dalam Dana Maybank Asian Growth and Income-I (“Dana Sasaran”).

Mengapa melabur dalam Dana Maybank Asia Mixed Assets-I?

01



Manfaatkan Kelebihan Dua Dunia

Model Kuantitatif +
Pengurusan Aktif oleh Pengurus Dana.

02



Kepelbagaiian Portfolio

Kecerdasan buatan Quant menggerakkan peruntukan aset strategik kepada Ekuiti Islam Asia, Sukuk dan Emas, di seluruh Asia.

03



Kepelbagaiian ketara berbanding Indeks Pasaran

Pegangan portfolio saham sangat berbeza daripada indeks pasaran.

04



Pulangan Tahunan Sasaran & Jangkaan Pendapatan Suku Tahun

- Pulangan sasaran 6-7% setahun¹.
- Jangkaan pendapatan suku tahun 5-6% setahun².

¹Pulangan untuk Dana ini tidak dijamin.

²Agihan untuk tahun kewangan pertama adalah sampingan. Selepas itu, agihan akan dibuat mengikut suku tahun (tertakluk pada ketersediaan pendapatan).

Apakah Pelaburan Quant?

Ia merupakan pendekatan pelaburan kuantitatif/sistematis berinovatif yang menggunakan

Permodelan
Matematik

+ Sistem
Komputer

+ Analisis
Data

untuk meningkatkan segala keputusan pelaburan dan tidak dipengaruhi oleh emosi manusia.



Keunikan Dana

Strategi pelaburan yang menggabungkan Model Kuantitatif dan pemantauan aktif oleh Pengurus Dana.

PENDEKATAN MODEL QUANT

Penggunaan sains data dalam model quant untuk menghasilkan peruntukan aset yang sesuai dengan keadaan pasaran.

Pemilihan saham menjadi lebih mudah dan pantas menerusi pembelajaran mesin.

PENGURUSAN AKTIF PENGURUS DANA

Analisis berterusan oleh pasukan Pengurus Dana yang berpengalaman.

Kemaskini Model Kuantitatif supaya sejajar dengan keadaan pasaran.



KEPUTUSAN PELABURAN YANG DIPERTINGKAT:

Capai kepelbagai portfolio

Prestasi unggul berbanding pasaran/ indeks

Liputan data lebih luas dan kepentasan pemprosesan

Sumber: Maybank Asset Management Group

Mengapa perlu melabur sekarang?

1



Kelebihan Peserta Awal

Kini, pelabur mendapat akses Pelaburan Quant di pelbagai pasaran Asia dan berpotensi mencapai pulangan lebih baik.

2



Akses Kuasa Pengkomputeran Dipertingkat

Pencapaian teknologi membolehkan pelabur mengakses Pelaburan Kuantitatif menerusi kuasa pengkomputeran yang dipertingkat.

3



Pertumbuhan Ekonomi Lebih Kukuh di Asia

Negara-negara Asia memiliki profil pertumbuhan ekonomi lebih kukuh jika dibandingkan dengan rantau lain.

4



Peruntukan Aset Dinamik

Boleh disesuaikan dengan pelbagai keadaan pasaran.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pengurus Perhubungan anda atau Pasukan Perkhidmatan Klien Maybank Asset Management di +603 2297 7888, atau layari www.maybank-am.com

DATA UTAMA DANA

Nama Dana	Dana Maybank Asia Mixed Assets-I (“Dana”)	
Tarikh Pelancaran	16 Ogos 2021	
Nama Dana Disasarkan	Dana Maybank Asian Growth and Income-I	
Kategori Dana	Dana Pengantara (Islam)	
Jenis Dana	Pendapatan dan pertumbuhan	
Pengurus	Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (“MAM” atau “Pengurus”)	
Penasihat Pelaburan	TMF Trustees Malaysia Berhad	
Pemegang Amanah	Maybank Asset Management Singapore Pte Ltd (“MAMS”)	
Akhir Tahun Kewangan	30 November	
Matawang Asas	MYR	
Kelas	Kelas MYR	Kelas USD
Harga Tawaran Awal	RM1.00	USD1.00
Objektif Pelaburan	<p>Matlamat dana ini ialah mencapai pertumbuhan modal dan pendapatan menerusi pelaburan dalam Dana Sasaran, Dana Maybank Asian Growth and Income-I.</p> <p><i>Kelulusan Pemegang Unit adalah diperlukan bagi sebarang perubahan penting pada objektif pelaburan Dana.</i></p>	
Profil Pelabur	<p>Dana ini sesuai untuk pelabur yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • ingin mendapatkan pertumbuhan modal dan pendapatan; • berasa selesa dengan ketaktentuan dan risiko dana yang sebahagian besar pelaburannya bertumpu pada ekuiti patuh Syariah yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat di rantau Asia, dan Sukuk global yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat di rantau Asia dan Timur Tengah; dan • berasa selesa dengan pendedahan serta polisi dan pendekatan pelaburan dana Islam. 	
Penanda Aras	<p>Pulangan sasaran sebanyak 6% setahun (dalam nilai MYR) pada jangka masa panjang, setelah ditolak fi.</p> <p><i>Nota: Ini bukan pulangan yang dijamin dan hanya sekadar ukuran prestasi Dana. Bagi tujuan Dana, penanda aras prestasi digunakan sebagai pengukur untuk mengetahui prestasi Dana memandangkan Dana Sasaran ialah dana pulangan mutlak dan tidak terdapat penanda aras Dana Sasaran sedia ada atau untuk diukur.</i></p>	
Strategi Pelaburan	<p>Dana ini bermatlamat mencapai objektif pelaburan dengan melabur sekurang-kurangnya 90% daripada NAV Dana dalam Kelas I – nilai USD Dana Sasaran.</p> <p>Dana Sasaran ialah unit amanah terbuka yang diizinkan dan dibentuk di Singapura dan merupakan subdana Maybank Focus Funds. Dana ini akan menggunakan terbitan Islam seperti matawang Islam hadapan untuk tujuan perlindungan nilai bagi menguruskan risiko matawang pelaburan Dana dan Kelas yang bukan dalam matawang MYR.</p> <p>Walaupun pengurusan Dana ini dikendalikan secara pasif, kami akan memastikan yang ia diurus dengan betul dan cekap supaya Dana ini berupaya memenuhi permintaan penebusan oleh Pemegang Unit.</p>	
Peruntukan Aset	<ul style="list-style-type: none"> > Sekurang-kurangnya 90% NAV Dana akan dilaburkan dalam Dana Sasaran. > Sehingga 10% NAV Dana akan dilaburkan dalam aset cair*. <p><i>*Aset cair meliputi, tetapi tidak terhad kepada deposit Islam di institusi kewangan dan instrumen pasaran kewangan Islam.</i></p>	
Polisi Agihan	Agihan akan dibuat secara suku tahun, tertakluk pada ketersediaan pendapatan.	
Amaun Pelaburan Awal Min.^	Kelas MYR	Kelas USD
	RM1,000.00	USD1,000.00
Amaun Pelaburan Tambahan Min.^	Kelas MYR	Kelas USD
	RM100.00	USD100.00
Pegangan Unit Minimum^	1,000 unit	
Caj Jualan*	Sehingga 5.00% NAV per Unit.	
Caj Penebusan	Tiada.	
Fi Tahunan Pengurusan	Sehingga 1.80% NAV setahun bagi setiap Kelas.	
Fi Tahunan Pemegang Amanah	0.06% NAV Dana setahun (tidak termasuk fi dan caj penjaga asing).	
Penebusan Unit Minimum^	Tiada, selagi keperluan baki minimum dipenuhi.	
Pembayaran Hasil Penebusan	Dalam tempoh 10 hari dari tarikh permintaan penebusan diterima.	

*Nota: *Pelabur boleh berunding untuk mendapatkan caj jualan lebih rendah. ^Ataupun bilangan unit yang lebih rendah seperti yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa. Pengedar kami mungkin mempunyai pelaburan awal minimum dan/atau tambahan berbanding yang di atas bagi pelaburan yang dibuat menerusi platform digital mereka, tertakluk pada terma dan syarat untuk pelaburan.*

Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat: 199701006283)

Aras 12, Menara C, Dataran Maybank, No. 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur Malaysia. Telefon +603 2297 7888, Faksimile +603 2715 0071, www.maybank-am.com

Penafian: Brosur ini adalah gambaran ringkas Dana dan tidak menyeluruh. Sebelum membuat keputusan untuk melabur, pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami Prospektus. Prospektus untuk Dana Maybank Asia Mixed Assets-I bertarikh 16 Ogos 2021 dan sebarang tambahan sekiranya ada (“Prospektus”) telah didaftarkan/didepositkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (“SC”) yang tidak akan bertanggungjawab terhadap kandungannya. Satu Salinan Prospektus tersebut boleh diperolehi di pejabat kami atau di cawangan pengedar kami. Pelabur sekali lagi dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus sebelum melabur. Antara lain, Pelabur hendaklah mempertimbangkan fi dan caj yang terlibat. Harga unit dan agihan yang akan dibayar sekiranya ada, mungkin turun atau naik. Prestasi Dana sebelum ini tidak boleh dianggap sebagai petunjuk prestasinya pada masa hadapan.

Kelulusan atau keizinan SC, atau pendaftaran, penyerahan atau penghantaran Prospektus tidak mewakili atau menandakan yang SC telah mengesyorkan atau mengendorsti Dana atau iklan, atau menyematkan brosur ini.